

KPM telah, sedang laksana inisiatif bagi reformasi pendidikan negara

SERDANG

Isu-isu yang dibangkitkan dalam Laporan Bank Dunia berkenaan sistem pendidikan negara sebenarnya telah ditangani Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) secara progresif dan pro-aktif, menurut Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Beliau berkata, KPM juga sedang melaksanakan pelbagai inisiatif bagi reformasi pendidikan negara termasuk penstrukturan semula sistem prasekolah, kurikulum persekolahan 2027 dan intervensi kurikulum untuk menangani keciciran pembelajaran.

"KPM telah lebih awal mengumumkan reformasi pendidikan, pertamanya dengan penubuhan jawatankuasa khas untuk meneliti isu-isu dan melaksanakan reformasi ini dengan segera.

"Sebagai contoh, jawatankuasa pe-luasan prasekolah telah kita laksanakan, tahun 2023 dan 2024 adalah tahun pe-luasan prasekolah di institusi KPM secara besar-besaran," katanya kepada pemberita selepas memberikan syarahan pada program Distinguished Lecture Series on Youth Well-Being (DLS) di sini pada Khamis.

Laporan Bank Dunia bertajuk *Bending*

# Isu dibangkit Laporan Bank Dunia ditangani

*Bamboo Shoots: Strengthening Foundation Skills* antara lain menyatakan walaupun perbelanjaan besar diperuntukkan kepada sektor pendidikan negara, tahap pembelajaran dalam kalangan pelajar masih jauh ketinggalan.

Dalam pada itu, Fadhlina berkata, KPM telah mengadakan siri libat urus dengan pihak berkepentingan berkaitan masa depan pendidikan di Malaysia antaranya membincangkan mengenai kerangka kurikulum persekolahan 2027.

"Siri libat urus ini bagi menjawab persoalan, kebimbangan dan juga keprihatinan masyarakat tentang apa sepatutnya diajar dan fokus dalam pendidikan kita. Kurikulum ini akan dilaksanakan sepenuhnya pada tahun 2027, tetapi prasekolah akan bermula lebih awal pada tahun 2026," jelasnya.

Tambahnya, KPM juga giat menyiapkan para guru dengan kerangka kurikulum baharu itu.

Terdahulu dalam syarahannya di Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, Fadhlina berkata, KPM komited meningkatkan kualiti, kesaksamaan dan akses pendidikan dengan tiada pelajar harus



FOTO: BERNAMA

Fadhlina (kanan) melancarkan buku *When Love Heals Hate* dan *Komik Sukan Bersih* selepas memberikan syarahan pada program Distinguished Lecture Series on Youth Well-Being (DLS) di UPM, Serdang pada Khamis.

dipinggirkan dalam sistem pendidikan negara.

Ujarnya, kerajaan juga sentiasa berusaha membantu pelajar kurang berkemampuan, berkeperluan khas dan mereka yang datang mencari perlindungan

di negara ini.

"Pendidikan berkualiti adalah milik semua tidak kira bangsa, agama atau politik. Suka atau tidak ini adalah fakta dan kami berbangga untuk memimpin melalui teladan," katanya. - Bernama